

# **Sukatan Pelajaran Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H2 & H3**

Pelaksanaan bermula bagi kohort JC 1 dan Pra-U 1 2021



Ministry of Education  
SINGAPORE

© 2020 Curriculum Planning and Development Division.

This publication is not for sale. Permission is granted to reproduce this publication in its entirety for personal or non-commercial educational use only. All other rights reserved.



# KANDUNGAN

## 1. PENGENALAN

---

- 1.1 Falsafah Kurikulum Singapura
- 1.2 Matlamat
- 1.3 Visi Arif Budiman
- 1.4 Hasil Pembelajaran
- 1.5 Kerangka Kecekapan Abad ke-21 dan Hasil Pendidikan yang Diingini

## 2. PENGISIAN KURIKULUM

---

- 2.1 Kerangka Sukatan Pelajaran
- 2.2 Komponen Bahasa
  - 2.2.1 Kemahiran Bahasa
  - 2.2.2 Pengetahuan Bahasa
  - 2.2.3 Pengajaran Tatabahasa
  - 2.2.4 Prinsip Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa
  - 2.2.5 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Penggunaan Bahasa
  - 2.2.6 Pendedahan pada Teks Sastera dan Teks Autentik
- 2.3 Komponen Kesusasteraan
  - 2.3.1 Prinsip Pengajaran dan Pembelajaran Kesusasteraan
  - 2.3.2 Genre yang Disarankan
  - 2.3.3 Teks Wajib yang Digunakan
  - 2.3.4 Unsur-unsur Kesusasteraan
  - 2.3.5 Kajian Teks
  - 2.3.6 Fokus Pengajaran dan Pembelajaran H3
    - a) Penulisan Ekspresif
    - b) Analisis Teks
- 2.4 Waktu Kurikulum

## 3. PEDAGOGI

---

- 3.1 Proses Pengajaran dan Aspek Pembelajaran
- 3.2 Pemilihan Teks Bebas
- 3.3 Penggabungan Pengajaran Kemahiran Bahasa dan Analisis Kesusasteraan
- 3.4 Teknik Penyoalan yang Berkesan
- 3.5 Penggunaan E-Pedagogi
- 3.6 Strategi, Pendekatan, Kaedah dan Teknik Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa dan Kesusasteraan
- 3.7 Soalan Panduan bagi Pengajaran Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H2 & H3

## 4. PENILAIAN


---

- 4.1 Matlamat Penilaian
- 4.2 Penilaian Seimbang yang Berpusatkan Pelajar
- 4.3 Kaedah Penilaian
- 4.4 Penilaian Rujuk Buku
- 4.5 Analisis Teks Bebas
- 4.6 Alat-alat Penilaian
- 4.7 Jadual Pengkhususan Format Peperiksaan Bahasa dan Kesusasteraan: Lampiran A & B



# 1. PENGENALAN

- 1.1 Falsafah Kurikulum Singapura
- 1.2 Matlamat
- 1.3 Visi Arif Budiman
- 1.4 Hasil Pembelajaran
- 1.5 Kerangka Kecekapan Abad ke-21 dan Hasil Pendidikan yang Diingini



# 1. PENGENALAN

## 1.1 Falsafah Kurikulum Singapura

Pendidikan di Singapura bertujuan untuk mencapai Hasil Pendidikan yang Diingini supaya pelajar kita siap sedia bagi masa depan, mempunyai semangat identiti nasional yang kukuh, dan dilengkapi dengan kemahiran untuk melibatkan diri dan menyumbang dalam dunia global. Pendidikan kita beraspirasi untuk menyerlahkan keterampilan sebenar pelajar kita supaya mereka dapat diperkasa bagi menjalani kehidupan dengan sepenuhnya, menyumbang dan menjaga masyarakat dan negara. Hal ini membolehkan para pelajar kita membina minat mereka untuk mengejar cita-cita dan memenuhi aspirasi mereka.

Untuk merealisasikan matlamat pendidikan di Singapura, kurikulum direka bentuk untuk membangunkan watak, minda dan diri pelajar kita. Hal ini berfungsi untuk memupuk nilai, membangunkan pengetahuan, kemahiran dan perwatakan mereka. Kurikulum kita menyediakan pengalaman pembelajaran untuk pelajar-pelajar kita berinteraksi secara aktif dan membina hubungan dengan orang lain sama ada di ruang fizikal atau digital. Dengan berbuat demikian, mereka menyedari bahawa mereka merupakan sebahagian daripada masyarakat. Dengan ini, mereka belajar untuk menerima kepelbagaian dan bekerjasama dengan orang-orang dari latar belakang yang berbeza.

Falsafah Kurikulum Singapura menyampaikan kepercayaan teras frateniti tenaga pengajar kita yang meletakkan keperluan setiap pelajar dalam keputusan-keputusan berkaitan dengan pendidikan kita. Kepercayaan inilah yang memandu proses reka bentuk dan pelaksanaan kurikulum kita. Hal ini menyokong teguh amalan kita dan membimbing tindakan pengajaran kita supaya setiap pelajar berterlibat dalam pembelajarannya. Falsafah Kurikulum Singapura menerangkan peranan kita dan peranan pelajar kita dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

### Ringkasan Falsafah Kurikulum Singapura

Kami percaya pada pendidikan holistik.

Kami percaya bahawa setiap pelajar mahu dan boleh belajar. Kami memberikan tumpuan pada keperluan pembelajaran pelajar apabila mereka membentuk pengalaman-pengalaman pembelajaran.

Kami percaya bahawa pembelajaran berkembang:

- dalam persekitaran pembelajaran yang prihatin dan selamat,
- apabila pelajar membina pengetahuan secara aktif,
- melalui pembangunan kemahiran berfikir dan perwatakan; dan
- apabila penilaian digunakan untuk menangani jurang pembelajaran pelajar.

Kami menghargai setiap pelajar sebagai individu. Anak-anak kita mempunyai keperluan pembelajaran yang pelbagai dan mempunyai pelbagai pengalaman, kepercayaan, pengetahuan, dan kemahiran. Untuk menjadikan pembelajaran berkesan, kami menyesuaikan kadar pengajaran, pendekatan dan amalan penilaian kami dengan proses pembangunan pelajar yang sesuai.

Kami percaya bahawa pembelajaran berlaku dalam persekitaran yang prihatin dan selamat. Kami memupuk hubungan positif antara guru, pelajar dan rakan sebaya supaya terbina budaya keprihatinan dan saling menghormati di dalam kelas, yang membolehkan pelajar belajar untuk menghargai kepelbagaian. Mereka digalakkan agar mengambil risiko, belajar daripada kesilapan mereka dan antara satu sama lain, dan yakin untuk menyuarakan pandangan mereka.

Pembelajaran berlaku secara individu dan kolaboratif, apabila pelajar membina makna dan bersama-sama membina makna daripada pengetahuan dan pengalaman sesama mereka. Kami menggunakan teknologi untuk memberikan sokongan yang lebih luas bagi pembelajaran secara individu dan pembezaan untuk berlaku, dan melibatkan para pakar serta memanfaatkan sumber dalam kalangan masyarakat umum apabila relevan, untuk memperkaya pembelajaran secara autentik. Kami membimbang pelajar untuk mengaktifkan pengetahuan sedia ada, dan mengasimilasikan serta menyesuaikan pengetahuan baharu melalui penerokaan, dan interaksi dengan orang lain. Hal ini membolehkan pelajar membina asas pengetahuan yang kukuh dengan menghubungkaitkan idea dan pengalaman baharu dengan perkara yang telah diketahui oleh mereka, lantas memudahkan pemahaman konsep dan mengaplikasikan perkara yang telah dipelajari dalam konteks yang berbeza.

Kami percaya akan pembinaan kemahiran berfikir dan perwatakan pelajar. Untuk melakukannya, kami membimbang mereka untuk membina, mentafsir dan menilai pengetahuan daripada perspektif yang berbeza. Kami membantu pelajar memahami bahawa dengan berfikir tentang pemikiran mereka sendiri, mereka boleh memantau, menilai dan meningkatkan pembelajaran mereka.

Penilaian ialah bahagian penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran, dan membantu para pelajar menjadi pelajar kendiri. Oleh itu, kami mereka bentuk penilaian dengan tujuan yang jelas untuk mengumpul bukti kemajuan pembelajaran pelajar, menyediakan maklum balas yang tepat dan disasarkan untuk meningkatkan kemajuan pembelajaran pelajar, dan memperbaik amalan-amalan pengajaran, dengan memanfaatkan teknologi.

## 1.2 Matlamat

Pengajian tentang Bahasa Ibunda dan Kesusasteraan di peringkat prauniversiti dan maktab rendah memerlukan pelajar melanjutkan pembangunan kecekapan berbahasa, kemahiran kesusasteraan dan pengetahuan budaya dalam Bahasa Ibunda masing-masing. Sukatan Pelajaran Bahasa Ibunda dan Kesusasteraan H2 dan H3 2021 bertujuan untuk memupuk penyebar budaya dan menyemarak kesusasteraan Asia yang mempunyai penghayatan yang mendalam tentang bahasa ibunda, budaya, nilai dan etos masyarakatnya untuk menjadi pemikir global yang kreatif dan kritis serta mempunyai pemahaman dan kesedaran silang budaya. Ini sejajar dengan hasil pembelajaran yang diingini dalam pendidikan, iaitu untuk membentuk pelajar menjadi individu yang bersedia menghadapi masa hadapan dan mempunyai identiti nasional yang kukuh serta dilengkapi dengan kemahiran untuk menyumbang kepada dunia global.

Sejajar dengan itu, melalui Sukatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H2 dan H3, diharap agar para pelajar dapat dilengkapkan dengan kecekapan berbahasa dan kemahiran-kemahiran yang diperlukan untuk membolehkan mereka mendalami, menghargai dan membina bahasa dan budaya masyarakat Melayu secara kreatif dan kritis dalam kesediaan menghadapi cabaran dan peluang dalam dunia yang berubah-ubah. Pelajar diharap akan berupaya berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Melayu bagi memenuhi keperluan diri dan membina hubungan sosial dalam konteks masyarakat majmuk Singapura dan masyarakat global. Pada masa yang sama, pelajar dapat menghargai dan menghayati kesusasteraan Melayu dan sumbangannya kepada pembangunan individu, masyarakat, negara serta jagat. Pelajar juga diharap mempunyai keupayaan sebagai pembaca yang reflektif dan kritis, menjadi penyemarak kesusasteraan serta memupuk bakat dalam bidang persuratan Melayu.

Sejajar dengan itu, melalui Sukatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H2 dan H3, diharap agar para pelajar dapat dilengkapkan dengan kecekapan berbahasa dan kemahiran-kemahiran yang diperlukan untuk membolehkan mereka mendalami, menghargai dan membina bahasa dan budaya masyarakat Melayu secara kreatif dan kritis

dalam kesediaan menghadapi cabaran dan peluang dalam dunia yang berubah-ubah. Pelajar diharap akan berupaya berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Melayu bagi memenuhi keperluan diri dan membina hubungan sosial dalam konteks masyarakat majmuk Singapura dan masyarakat global. Pada masa yang sama, pelajar dapat menghargai dan menghayati kesusasteraan Melayu dan sumbangannya kepada pembangunan individu, masyarakat, negara serta jagat. Pelajar juga diharap mempunyai keupayaan sebagai pembaca yang reflektif dan kritis, menjadi penyemarak kesusasteraan serta memupuk bakat dalam bidang persuratan Melayu.

### 1.3 Visi Arif Budiman

Visi Arif Budiman, iaitu **insan berilmu pengetahuan yang berbakti kepada masyarakat**, menetapkan hala tuju bagi guru dan pelajar Bahasa Melayu untuk membina kefasihan berbahasa dan penghayatan nilai dan budaya Melayu. Pengajaran Bahasa Melayu di Singapura di peringkat ini berperanan untuk melengkapkan setiap pelajar dengan sikap, kemahiran dan ilmu untuk membina bahasa dan budaya Melayu secara kreatif dalam kesediaan menghadapi cabaran dan memburu peluang dalam dunia yang berubah-ubah di samping menjadi insan yang berhemah dan memberikan sumbangan kepada pembangunan dan penakatan masyarakat dan negara.

Yang berikut ialah Visi Arif Budiman dan perkara-perkara yang diutamakan dalam pengajaran bahasa, nilai dan budaya Melayu pada setiap peringkat pendidikan.

## VISI ARIF BUDIMAN

### Insan berilmu pengetahuan yang berbakti kepada masyarakat

#### Prauniversiti

Membina bahasa dan budaya Melayu secara kreatif dalam kesediaan menghadapi cabaran dan memburu peluang dalam dunia yang berubah.

#### Menengah

Mendalami dan menghargai bahasa dan budaya Melayu dalam pelanjutan pembangunan negara.

#### Rendah

Mengenali dan memahami bahasa dan budaya Melayu sebagai sebahagian daripada masyarakat majmuk Singapura.

## 1.4 Hasil Pembelajaran

Hasil pembelajaran bagi Sukatan Pelajaran Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H2 dan H3 adalah seperti yang berikut:

Hasil Pembelajaran Bahasa	Hasil Pembelajaran Kesusasteraan
a. Mendengar dan Membaca	a. Menghayati Teks
b. Bertutur dan Interaksi Lisan	b. Mengapresiasi Gaya Bahasa
c. Menulis	c. Mentafsirkan Tema
d. Interaksi Penulisan	d. Menghubungjalinkan Teks dengan Diri, Masyarakat dan Dunia
	e. Menyampaikan Respons
	f. Menghasilkan Karya-karya Sastera
	g. Penulisan yang Mendalam
	h. Penilaian Kritis terhadap Kandungan Kesusasteraan
	i. Penghasilan Karya-karya Sastera yang Berkualiti

### Hasil Pembelajaran Bahasa

a. Mendengar dan Membaca	Pelajar dapat mentafsirkan dan menilai maklumat dan perincian penting dalam teks lisan dan tulisan tentang pelbagai topik menggunakan laras bahasa yang sesuai. Pelajar dapat membuat kesimpulan yang jitu tentang teks itu dan mengaitkannya dengan pengalaman pribadi.
b. Bertutur dan Interaksi Lisan	Pelajar dapat melahirkan, menyampaikan dan bertukar-tukar pandangan dengan jelas dan berstruktur dengan menggunakan lensa yang berbeza tentang pelbagai topik semasa berkomunikasi.
c. Menulis	Pelajar dapat menggunakan beberapa strategi yang sesuai untuk menulis eseи dengan jelas dan tersusun untuk menggambarkan peristiwa dan pengalaman atau perbincangan yang mampu memperkuuh sudut pandangan berlandaskan alasan-alasan dan bukti-bukti yang wajar.
d. Interaksi Penulisan	Pelajar dapat memberikan komen tentang pelbagai topik di luar bidang mereka dan dapat menyampaikan pendapat mereka dengan ringkas, padat dan jitu.

## Hasil Pembelajaran Kesusasteraan

a. Menghayati Teks	Pelajar dapat menyelami teks dan mengaitkan diri mereka dengan pelbagai teks serta membuat renungan berdasarkan pengalaman hidup mereka.
b. Mengapresiasi Gaya Bahasa	Pelajar dapat memahami unsur-unsur kesusasteraan dalam genre yang berbeza, mengapresiasi nilai estetik teks dan penggunaan gaya bahasa penulis dengan minda yang perseptif dan ingin tahu.
c. Mentafsirkan Tema	Pelajar dapat menganalisis gagasan utama dan persoalan-persoalan dalam teks dan meneroka kepentingan sesuatu teks itu terhadap masyarakat dan dunia.
d. Menghubungjalinkan Teks dengan Diri, Masyarakat dan Dunia	Pelajar dapat memahami teks dengan membuat kaitan antara konteks yang terdapat dalam teks dengan dunia tempat tinggal mereka. Mereka boleh membuat renungan tentang pegangan nilai, perspektif dan identiti mereka dan meningkatkan kesedaran menerusi lensa yang berbeza-beza.
e. Menyampaikan Respons	Pelajar dapat mengkonsepkan maksud melalui penulisan, menggambarkan peristiwa dan pengalaman serta menyampaikan pandangan mereka dengan bukti-bukti, alasan-alasan dan hujahan, dan juga menggabungkan dan menyampaikan respons mereka kepada orang lain.
f. Menghasilkan Karya-karya Sastera	Pelajar dapat mencipta karya-karya asli dengan gaya penulisan dan pendekatan mereka tersendiri.

Sebagai tambahan, hasil pembelajaran bagi Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H3 adalah seperti berikut:

g. Penulisan yang Mendalam	Pelajar dapat menulis eseи yang berstruktur dengan penjelasan yang terperinci dan mendalam.
h. Penilaian Kritis terhadap Kandungan Kesusasteraan	Pelajar dapat mengemukakan penilaian yang kritis terhadap kandungan dalam teks sastera.
i. Penghasilan Karya-karya Sastera yang Berkualiti	Pelajar dapat menghasilkan karya-karya kesusasteraan yang berkualiti untuk melahirkan perasaan dan pemikiran mereka secara kreatif dengan menggunakan pelbagai unsur kesusasteraan.

## 1.5 Kerangka Kecekapan Abad Ke-21 dan Hasil Pendidikan yang Diingini

Matlamat dan hasil pembelajaran Bahasa dan Kesusasteraan Melayu sejajar dengan hasilan Kecekapan Abad ke-21. Selaras dengan kerangka Kecekapan Abad ke-21, pelajar akan memperoleh, membangun dan mengaplikasikan kemahiran-kemahiran daripada tiga domain - Kemahiran Informasi, Kolaborasi dan Komunikasi, Berfikir secara Kritis dan Inventif serta mempunyai pemahaman Literasi Sivik, Kesedaran Global dan Rentas Budaya. Kecekapan ini perlu agar pelajar mempunyai daya saing yang tinggi dan akan lebih bersedia dan dapat menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan pesat yang berlaku di dunia global ini. Pelajar juga perlu mengaplikasikan set kemahiran yang ada di samping membina set kemahiran baharu untuk berjaya dalam masyarakat dan dunia yang berubah-ubah sesuai dengan keperluan Kecekapan Abad ke-21 dan Hasil Pendidikan yang Diingini. Rajah 1 di bawah ini menerangkan Kecekapan Abad ke-21 dan Hasil Pendidikan yang diingini.



Rajah 1: Kecekapan Abad ke-21 dan Hasil Pendidikan yang Diingini  
(Kementerian Pendidikan, Singapura 2017)

### Kemahiran Komunikasi, Kolaborasi dan Informasi

Para pelajar boleh berkomunikasi dengan yakin dan berkesan dalam bahasa Melayu dengan meningkatkan kemahiran bahasa. Mereka dapat melahirkan dan bertukar-tukar pandangan tentang topik umum melalui interaksi lisan dan penulisan, menghubungkan pelbagai isu dan memindahkan pemahaman kepada pelbagai konteks.

## Literasi Sivik, Kesedaran Global dan Kemahiran Rentas Budaya

Para pelajar boleh memahami dan membentuk identiti nasional dan budaya melalui penghayatan yang mendalam tentang budaya, tradisi, sastera dan sejarah, dengan menganalisis, mentafsirkan dan menilai teks sastera dan bahan bacaan autentik. Kesedaran dan pemahaman silang budaya akan dikukuhkan dengan pengajian kesusasteraan masyarakat Melayu dari dalam dan luar negara.

## Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Inventif

Para pelajar harus diberikan peluang untuk mengasah kemahiran berfikir aras tinggi dan melanjutkan pembangunan kecekapan berbahasa mereka dengan menganalisis teks daripada perspektif pelbagai dimensi; berfikir secara kritis dan kreatif; menilai pilihan dan membuat keputusan yang wajar. Mereka akan dapat menghasilkan karya-karya sastera menerusi wawasan yang diperoleh daripada pengalaman dan hubungan mereka dengan warisan mereka dan dunia.

## Hasil Pendidikan yang Diingini

Seseorang pelajar yang melalui pendidikan peringkat prauniversiti haruslah mencapai Hasil Pendidikan yang Diingini. Pelajar itu haruslah mempunyai kesedaran kendiri yang baik, berhemah dan mempunyai kemahiran-kemahiran serta pengetahuan yang diperlukan untuk menghadapi cabaran masa hadapan. Pelajar bertanggungjawab terhadap keluarga, masyarakat dan negaranya; mempunyai minda dan tubuh yang sihat; menghargai persekitaran dan mempunyai azam yang kuat untuk menghadapi kehidupan. Dengan kata lain, pelajar harus:

- **yakin** dan berupaya membezakan yang baik atau sebaliknya, boleh menyesuaikan diri dengan perubahan, gigih, mengenali dirinya, membuat pertimbangan dengan bijak, berfikir secara kendiri dan kritis dan berkomunikasi dengan efektif;
- mempunyai **arah kendiri** dan bertanggungjawab terhadap pembelajaran sendiri, suka bertanya, melakukan refleksi dan tabah untuk mencapai kejayaan dalam pembelajaran;
- menjadi **penyumbang aktif** yang boleh bekerja dalam kumpulan, menggunakan inisiatif, mengambil risiko, inovatif dan bekerja keras untuk menghasilkan sesuatu yang terbaik; dan
- menjadi **warga yang prihatin**, cinta akan tanah airnya, mempunyai kesedaran sivik yang tinggi, tahu dan memainkan peranan aktif dalam membaiki kehidupan orang-orang di sekelilingnya.

Untuk memenuhi hasrat Hasil Pendidikan yang Diingini, setiap pelajar haruslah mencapai perkara-perkara yang berikut pada akhir pendidikan prauniversiti:

- a. mempunyai keberanian moral untuk menegakkan perkara yang betul;
- b. semangat tidak mudah luntur apabila berada dalam kesusahan;
- c. boleh bekerjasama secara rentas budaya dan mempunyai tanggungjawab sosial;
- d. inovatif dan berdaya usaha;
- e. boleh berfikir secara kritis dan berkomunikasi dengan yakin;
- f. bertekad untuk mengejar kecemerlangan;
- g. menginginkan kehidupan yang sihat dan menghargai nilai estetik; dan
- h. bangga menjadi rakyat Singapura dan memahami Singapura mempunyai kaitan dengan negara-negara lain secara global.

## **2. PENGISIAN KURIKULUM**

2.1 Kerangka Sukatan Pelajaran

2.2 Komponen Bahasa

2.2.1 Kemahiran Bahasa

2.2.2 Pengetahuan Bahasa

2.2.3 Pengajaran Tatabahasa

2.2.4 Prinsip Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa

2.2.5 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Penggunaan Bahasa

2.2.6 Pendedahan kepada Teks Sastera dan Teks Autentik

2.3 Komponen Kesusasteraan

2.3.1 Prinsip Pengajaran dan Pembelajaran Kesusasteraan

2.3.2 Genre Teks yang Disarankan

2.3.3 Teks Wajib yang Digunakan

2.3.4 Unsur-unsur Kesusasteraan

2.3.5 Kajian Teks

2.3.6 Fokus Pengajaran dan Pembelajaran H3

a) Penulisan Ekspresif


b) Analisis Teks

2.4 Waktu Kurikulum

## 2. PENGISIAN KURIKULUM

### 2.1 Kerangka Sukatan Pelajaran

Kerangka Sukatan Pelajaran menunjukkan cara-cara guru boleh melakar dan membina pengalaman pembelajaran yang menggalakkan pelajar belajar Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H2 dan H3 dengan menerapkan kemahiran bahasa dan kesusasteraan secara bersepada dan bermakna.



Rajah 2: Kerangka Sukatan Pelajaran Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H2 dan H3

Sukatan Pelajaran Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H2 dan H3 2021 menggunakan pendekatan tematik yang berasaskan tema luas untuk pengajaran dan pembelajaran bahasa dan kesusasteraan. Prinsip utama untuk pengajaran Kesusasteraan adalah berasaskan genre. Teks wajib dan teks bebas akan berkisar pada tema yang disarankan agar para pelajar boleh memahami konsep lensa untuk mengupas tema.

Komponen bahasa dan kesusasteraan dalam sukatan pelajaran ini berpandukan pada tiga tema luas yang mempunyai ciri-ciri yang berikut:

- relevan kepada pengalaman hidup pelajar;
- mempunyai unsur sejagat dan kekal relevan sepanjang zaman;
- mempunyai motif yang berulang-ulang yang terdapat dalam kedua-dua karya sastera tradisional dan moden; dan
- berpotensi besar untuk menjanakan wacana yang bermakna yang dapat mengukuhkan pembelajaran tentang nilai, kemahiran hidup, bahasa dan kesusasteraan.

Kemahiran bahasa dan menganalisis kesusasteraan akan diajarkan dengan secara bersepadan agar lebih banyak pembelajaran dapat dipindahkan antara komponen bahasa dengan kesusasteraan menerusi tema luas yang sama, lantas para pelajar dapat memahami tema-tema itu dengan lebih mendalam.

Penerangan ringkas tentang tiga tema luas dalam sukanan pelajaran ini adalah seperti yang berikut:



### i) Hubungan

Hubungan merujuk pada cara perkara-perkara dihubungkan, emosi yang dirasai oleh manusia dan cara mereka bertindak antara satu sama lain. Adalah penting bagi pelajar mengenal pasti hubungan yang wujud antara manusia, masyarakat, sekitaran dan objek. Menghargai kerumitan rangkaian hubungan yang wujud di dunia dapat membantu pelajar memahami hubungan di sekitaran mereka dan dengan itu dapat membina kesedaran diri, sosial dan global yang lebih kukuh. Dalam kehidupan nyata, kebanyakan penggunaan bahasa adalah untuk komunikasi dan komunikasi yang berkesan bertujuan untuk membina hubungan yang baik.

### ii) Perubahan

Perubahan sentiasa berlaku di sekeliling kita dan dapat dilihat dalam kebanyakan aspek kehidupan. Perubahan boleh mempengaruhi individu, masyarakat, negara dan sekitaran. Perubahan selalunya merupakan kesan daripada banyak kuasa kompleks yang berinteraksi antara satu sama lain. Dengan memahami kualiti perubahan seperti batasan dan ruang masa, pelajar boleh membentuk pemahaman yang mendalam tentang sikap positif, sifat daya bingkas dan kesinambungan dalam pelbagai aspek.

### iii) Pilihan

Kita berdepan dengan pelbagai pilihan dalam kehidupan harian kita. Ada pilihan yang membawa implikasi besar yang tidak dapat kita fahami dengan segera. Kita tidak dapat mengelakkan daripada membuat pilihan dan keputusan dalam kehidupan kita, baik dalam membuat pilihan yang biasa mahupun dalam membuat pilihan yang memberikan kesan pada seluruh hidup kita, masyarakat, negara dan dunia. Dengan meneliti dilema yang dihadapi oleh manusia dan membuat penilaian terhadap pilihan mereka, pelajar dapat mengenal pasti dan menganalisis implikasi dan akibat daripada keputusan yang dibuat dan belajar untuk menilai pilihan mereka daripada pelbagai perspektif dan juga memahami kepentingan tanggungjawab moral.

## 2.2 Komponen Bahasa

Bahasa Melayu ialah bahasa yang hidup. Pelajar yang aktif harus menggunakan bahasa Melayu untuk berkomunikasi secara cekap dalam kehidupan seharian. Maka, harus ada pelbagai aktiviti bahasa dan tugas dalam kelas untuk membolehkan pelajar menerap dan membangunkan kemahiran berkomunikasi. Dalam komunikasi seharian, kebanyakan penggunaan bahasa adalah untuk interaksi yang memerlukan gabungan kemahiran reseptif (mendengar dan membaca) dan kemahiran produktif (bertutur dan menulis). Banyak situasi harian memerlukan interaksi dua hala secara spontan (contoh, mendengar dan memberikan respons lisan semasa berbual atau membaca dan memberikan respons bertulis melalui e-mel). Maka, kurikulum ini memberikan penekanan pada kemahiran interaksi lisan dan interaksi penulisan di samping empat kemahiran asas mendengar, membaca, bertutur dan menulis.

Dalam komponen bahasa, kajian dan analisis terhadap prosa moden dan bahan autentik menyediakan konteks dunia sebenar untuk pembelajaran. Pelajar yang menawarkan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H2 diberikan pendedahan kepada prosa moden untuk melakukan penilaian tentang tema-tema dalam konteks tertentu dan memikirkan cara tema-tema ini dapat dikaitkan dengan diri mereka, masyarakat dan dunia. Perbincangan tentang tema-tema dan kajian tentang gaya penulisan serta unsur-unsur kesusasteraan dalam prosa moden dan bahan autentik dapat mempertingkatkan kemahiran komunikasi dan penulisan pelajar. Sekaligus, pelajar dapat mencipta karya-karya mereka sendiri.

Sukatan pelajaran bagi Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H3 dilakarkan pada tahap yang lebih tinggi supaya pelajar dapat meluaskan dan mendalamkan pengetahuan tentang kandungan kesusasteraan tradisional dan moden. Pelajar juga dapat mempertingkatkan kemahiran dalam penggunaan bahasa dan penulisan sastera, contohnya, dengan menerapkan unsur-unsur kesusasteraan dalam karya mereka.

### 2.2.1 Kemahiran Bahasa

Dalam program-program Bahasa Melayu di peringkat prauniversiti, para pelajar dilengkapi dengan tiga mod berkomunikasi dengan menggunakan bahasa, iaitu kemahiran reseptif, produktif dan interaksi. Yang berikut ialah mod komunikasi yang diajarkan dan penerangan bagi setiap mod tersebut:

Mod Komunikasi	Reseptif	Produktif	Interaksi
Kemahiran	Mendengar	Pertuturan	Interaksi Lisan
Bahasa	Membaca	Penulisan	Interaksi Penulisan

## Kemahiran Reseptif

Kemahiran mendengar dan membaca merupakan kemahiran reseptif yang melibatkan pemahaman dan pentafsiran makna dalam aktiviti atau tugas bertutur atau penulisan. Kemahiran reseptif memerlukan pelajar memahami pelbagai jenis teks untuk tujuan yang berbeza-beza.

**Kemahiran Mendengar** – keupayaan dan kecekapan pelajar mendengar teks dengan teliti, memahami dan menghayati perkara yang didengar dalam konteks dan dalam pelbagai pengucapan seperti perbualan, perbincangan, ucapan, ceramah, lakonan dan temu bual. Pelajar juga berupaya memberikan respons yang wajar.

**Kemahiran Membaca** – keupayaan pelajar membaca teks dengan sebutan, intonasi, jeda dan kelancaran yang sesuai dengan menggunakan pelbagai teknik bacaan. Aspek pemahaman pelbagai bahan yang dibaca dan memberikan respons yang wajar perlu diberikan penekanan.

## Kemahiran Produktif

Kemahiran produktif ialah kemahiran bahasa yang melibatkan penciptaan dan persempahanan tugas bertutur atau penulisan. Kemahiran bertutur dan menulis merupakan kemahiran produktif. Kemahiran produktif memerlukan pelajar menghasilkan teks lisan atau tulisan yang pelbagai untuk tujuan yang berbeza-beza.

**Kemahiran Bertutur** – keupayaan pelajar menyampaikan perasaan, maklumat, pendapat dan idea secara lisan dengan menggunakan sebutan baku, intonasi, laras bahasa dan jeda yang betul. Kemahiran bertutur juga memberikan penekanan kepada kesantunan berbahasa dalam pengucapan dan penggunaan tatabahasa yang betul.

**Kemahiran Menulis** – keupayaan pelajar menghasilkan pelbagai jenis penulisan dengan menggunakan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, laras bahasa yang sesuai dan teknik penulisan yang pelbagai. Pelajar digalakkan untuk menggunakan kreativiti dalam penulisan.

Kemahiran reseptif dan produktif merupakan kemahiran asas dalam pemerolehan dan penguasaan bahasa kerana kedua-dua kemahiran ini diperlukan untuk berinteraksi.

## Kemahiran Interaksi Lisan dan Penulisan

Dalam interaksi lisan dan penulisan, terdapat komunikasi interpersonal. Komunikasi ini memerlukan tindak balas yang melibatkan lebih daripada seorang pengguna yang terlibat secara langsung dalam penggunaan bahasa. Kemahiran interaksi memerlukan pelajar untuk berkomunikasi secara dua hala sama ada secara lisan atau penulisan dalam pelbagai konteks bagi tujuan yang berbeza-beza.

**Kemahiran Interaksi Lisan** – keupayaan pelajar untuk menggunakan bahasa untuk berinteraksi dengan pihak lain. Kemahiran lisan melibatkan kerjasama antara dua atau lebih penutur dalam situasi komunikatif. Pelajar bertukar-tukar peranan sebagai pendengar dan penutur dengan seseorang atau lebih untuk membina wacana. Kes spontan dalam perinteraksian juga ditekankan.

**Kemahiran Interaksi Penulisan** – keupayaan pelajar melibatkan diri dalam komunikasi dua hala dengan seseorang atau lebih daripada seseorang dengan menggunakan bahasa penulisan sebagai perantara.

Dari segi pelaksanaannya, para guru digalakkan agar mengajarkan kemahiran-kemahiran ini melalui pendekatan penggabungjalinan seperti penggabungjalinan antara satu kemahiran dengan kemahiran yang lain, dengan bahan pengajaran, teknik, aspek bahasa, aktiviti dan lain-lain. Penggabungjalinan membolehkan pengajaran dan pembelajaran disampaikan secara bersepadan dan tidak berasingan. Selain itu, penggabungjalinan menjadikan aspek kemahiran saling memperkuuh dan pengajaran dan pembelajaran akan lebih bermakna dan berkesan. Pelajar juga berpeluang untuk menggunakan kemahiran secara semula jadi dan menguasai lebih daripada satu kemahiran secara serentak.

## 2.2.2 Pengetahuan Bahasa

Pengetahuan bahasa terdiri daripada dua bahagian, iaitu linguistik dan pragmatik. Bahagian linguistik merupakan kajian saintifik terhadap bahasa. Bahagian ini merangkumi aspek fonologi, ortografi, leksikon (kosa kata), tatabahasa dan pengetahuan bahasa. Sementara bahagian pragmatik pula merupakan kajian tentang bahasa dari sudut penggunaannya, cara pelajar memilih untuk menggunakan ujaran, memikirkan halangan ketika bertutur dalam interaksi sosial dan kesan penggunaan bahasa kepada pendengar. Bahagian pragmatik meliputi aspek budaya, laras bahasa, kepelbagaian bahasa dan tujuan. Aspek-aspek ini membolehkan pelajar menginterpretasi atau mencipta teks dengan mengambil kira makna, tujuan pengguna bahasa dan ciri-ciri relevan dalam konteks penggunaan bahasa. Setiap pelajar perlu menguasai kedua-dua bahagian ini, iaitu linguistik dan pragmatik untuk berkomunikasi dengan berkesan. Rajah 3 di bawah menunjukkan kedua-dua bahagian ini serta aspek-aspek yang terkandung di dalamnya.



Rajah 3: Pengetahuan Bahasa

## 2.2.3 Pengajaran Tatabahasa

Tatabahasa menjadi asas kecekapan berbahasa dan harus diajarkan secara terancang dan dalam konteks yang bermakna dan difahami oleh pelajar. Kandungan tatabahasa terdiri daripada morfologi dan sintaksis.

- **Morfologi** - bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk kata, proses pembentukan kata dan golongan kata.

Bentuk kata terdiri daripada kata tunggal, kata terbitan, kata ganda, dan kata majmuk. Proses pembentukan kata meliputi pengimbuhan, penggandaan dan pemajmukan. Golongan kata pula terdiri daripada kata nama, kata kerja, kata adjektif, dan kata tugas.

- **Sintaksis** - bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur dan binaan ayat. Ini bermakna bidang sintaksis ialah kajian tentang hukum atau rumus tatabahasa yang mendasari kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan atau kelompok perkataan untuk membentuk ayat serta cara ayat dibina dan disusun.

Daftar tatabahasa dalam **E-Panduan** memperincikan aspek perihal kata (morfologi) dan perihal ayat (sintaksis). Guru digalakkan untuk merujuk kepada daftar ini dan memastikan bahawa para pelajar sudah memahami dan berupaya menggunakan semua item tatabahasa dalam komunikasi harian mereka.

## 2.2.4 Prinsip Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa

Prinsip-prinsip pengajaran yang berikut diambil kira dalam perancangan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dan mempengaruhi amalan-amalan pedagogi guru secara langsung.

### 1. Pembelajaran Berpusatkan Pelajar

Pembelajaran berpusatkan pelajar yang melibatkan pelajar secara aktif merupakan asas bagi pengalaman pembelajaran pelajar. Penglibatan aktif ini bererti pelajar dibabitkan dalam pembentukan pembelajaran sendiri. Keterlibatan pelajar dari aspek afektif, perilaku dan kognitif penting untuk memupuk sikap yang positif terhadap pembelajaran:

- **Keterlibatan afektif:** pelajar menunjukkan motivasi secara intrinsik, rasa kekitaan, kemandirian serta memberikan sepenuh tumpuan terhadap tugas pembelajaran.
- **Keterlibatan perilaku:** pelajar menuruti peraturan bilik darjah, berkelakuan positif dan menyertai aktiviti kelas dengan aktif.
- **Keterlibatan kognitif:** pelajar memberikan tumpuan yang berterusan terhadap aktiviti pembelajaran yang menuntut kemahiran yang tinggi untuk mendalami konsep pembelajaran yang kompleks.

Keterlibatan pelajar dari tiga aspek ini boleh dilihat melalui pembelajaran yang berpusatkan pelajar. Guru boleh mereka bentuk pengalaman pembelajaran yang berpusatkan pelajar dengan merancang pelajaran dan memastikan pendekatan, bahan pengajaran dan penilaian yang digunakan menepati keperluan, keupayaan, minat, gaya belajar dan tahap pengetahuan setiap pelajar supaya dapat meningkatkan penglibatan kolaboratif di dalam bilik darjah. Selain itu, pelajar juga dapat melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran untuk meningkatkan kemahiran berfikir kerana mereka diberikan peluang untuk bertanya, menghasilkan idea dan mengemukakan serta berkongsi pendapat. Dengan melibatkan pelajar secara aktif dalam setiap aktiviti pembelajaran, pembelajaran berpusatkan pelajar yang berkesan akan menjadikan pelajaran menarik, autentik dan bermakna bagi setiap pelajar.

Ciri-ciri pembelajaran berpusatkan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran:

Pelajar

- melibatkan diri secara aktif;
- memantau pembelajaran dan strategi pembelajaran kendiri;
- mengetahui perkara yang perlu dicapai dan digalakkan menggunakan alat penilaian kendiri; dan
- membina pengetahuan baharu berdasarkan pengalaman dan pengetahuan sedia ada.

Guru

- memainkan peranan sebagai pemudah cara;
- mendengar segala pendapat atau idea yang dikemukakan oleh pelajar dengan teliti;
- memberikan peluang kepada pelajar untuk membuat keputusan terhadap pembelajaran kendiri; dan
- membantu pelajar mengatasi kesukaran dalam pembelajaran.

## 2. Pembelajaran Kontekstual

Isi pelajaran perlu mengaitkan pengalaman harian pelajar dan hubungannya dengan alam di sekelilingnya. Selain itu, kemahiran asas bahasa, tatabahasa dan kosa kata perlu dipelajari dalam konteks penggunaan bahasa sesuai dengan tujuan, khalayak, situasi dan budaya. Konteks yang dipilih akan menentukan kesesuaian dan laras bahasa yang perlu digunakan. Pembelajaran secara kontekstual membolehkan pelajar memahami fungsi aspek bahasa yang dipelajari dengan berkesan di samping berupaya menghubungkaitkan pengetahuan baharu yang diperoleh secara bermakna.

## 3. Orientasi Proses

Pembelajaran bahasa mengutamakan proses dan bukan pada produk semata-mata. Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu mengambil kira pelbagai proses bagi komunikasi lisan, aktiviti membaca dan menulis. Pelajar perlu digalakkan untuk mencuba dan berani mengambil risiko untuk memperoleh ilmu dan kemahiran baharu. Proses ini memberikan peluang kepada pelajar bersikap proaktif, menjanakan idea baharu dan kreatif bagi menyelesaikan masalah berdasarkan aktiviti yang diberikan dan memperbaik mutu serta meningkatkan daya hasil kerja mereka.

## 4. Penggabungjalinan

Penggabungjalinan bertujuan untuk menggalakkan pengajaran dan pembelajaran sesuatu kemahiran atau aspek bahasa secara bersepada. Penggabungjalinan kemahiran, aspek bahasa, bahan pengajaran dan strategi pengajaran dan pembelajaran menjadikan aspek-aspek pembelajaran saling melengkap. Proses penggabungjalinan berupaya menimbulkan suasana pembelajaran yang lebih berkesan, menarik dan bermakna dan memberikan peluang kepada pelajar untuk menguasai beberapa kemahiran secara serentak.

## 5. Penerapan Pelbagai Bidang Ilmu Pengetahuan, Budaya dan Nilai Masyarakat Melayu

Penggunaan bahan pelbagai bidang ilmu perlu untuk mewujudkan situasi yang autentik dan menjadikan pembelajaran lebih bermakna. Kesedaran dan apresiasi budaya, tradisi dan nilai masyarakat Melayu yang disepadukan dalam konteks masyarakat berbilang budaya membolehkan pelajar menghubungkaitkannya dengan budaya Melayu masa kini dan perspektif mereka tentang alam Melayu.

## **6. Kemajuan Berbentuk Lingkaran**

Kemahiran bahasa, item dan bentuk tatabahasa, jenis teks dan komponen bahasa yang lain diajarkan dan dipertingkatkan mengikut peringkat dengan kepayahan yang sesuai. Dengan kata lain, pembelajaran merupakan proses yang dibina secara berperingkat-peringkat. Semakin tinggi peringkat pembelajaran, semakin luas ilmu dan semakin tinggi kemahiran yang dipelajari.

## **7. Komunikasi**

Pelajar perlu diberikan peluang untuk berkomunikasi secara lisan dan penulisan dan melibatkan diri dalam pembelajaran secara aktif. Penglibatan pelajar penting dalam pembelajaran bahasa kerana pelajar berpeluang untuk melahirkan idea dan perasaan mereka melalui komunikasi yang dilakukan. Penglibatan sebegini juga dapat memperkuuhkeyakinan diri pelajar dan mempererat hubungan sosial dalam kalangan pelajar yang terdiri daripada pelbagai latar belakang, budaya dan agama.

## **8. Penilaian Seimbang**

Penilaian formatif dan sumatif dijalankan untuk mendapatkan data, informasi dan maklum balas menyeluruh tentang perkembangan pelajar. Kedua-dua jenis penilaian ini (formatif dan sumatif) perlu diseimbangkan. Dalam proses pembelajaran, guru berpeluang memberikan maklum balas bermutu kepada pelajar secara berterusan. Selanjutnya, guru dapat merancang aktiviti pengajaran yang sesuai untuk meningkatkan pencapaian pelajar. Para pelajar perlu dibimbing untuk melakukan penilaian kendiri terhadap pembelajaran mereka. Kemahiran ini akan dapat membantu mereka menggarap kandungan pembelajaran dan mempertingkatkan kemahiran metakognitif termasuklah cara untuk belajar dan melakukan refleksi tentang perkara yang dipelajari mereka.

### **2.2.5 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Penggunaan Bahasa**

Komponen bahasa menekankan pemahaman dalam bacaan dan penulisan pada tahap kognitif yang lebih tinggi (sintesis, analisis, penilaian dan ciptaan), keupayaan untuk membaca dan menulis pelbagai jenis esei (naratif, deskriptif, argumentatif dan rangsangan grafik) serta kemahiran interaksi penulisan seperti menulis komenari ringkas. Pelajar diharapkan dapat memahami, membuat perbandingan, membuat sintesis dan menilai lebih daripada satu teks sebagai sebahagian daripada latihan kefahaman. Dengan membangunkan kemahiran ini, pelajar dapat mengalami keadaan sebenar dalam alam pekerjaan mereka pada masa hadapan, terutama sekali bagi kumpulan pelajar ini yang merupakan penyebar dan penyemarak budaya yang berkesan dalam bahasa Melayu.

### **2.2.6 Pendedahan kepada Teks Kesusasteraan dan Teks Autentik**

Guru juga harus mendedahkan pelajar kepada kedua-dua teks sastera (contohnya, teks yang mencabar minda dan kaya dengan elemen kesusasteraan) dan teks autentik (contohnya, blog, rencana akhbar, forum pengarang, kritikan dan komenari akhbar) dalam komponen bahasa supaya mereka dapat memahami dan mengapresiasi pilihan teks yang luas.

Teks sastera diketahui dapat menggerakkan domain afektif dan mendorong pelajar untuk terlibat dalam pembacaan yang mendalam yang dapat mempertingkatkan kemahiran berfikir secara inventif dan kemahiran kesusasteraan serta kesedaran diri dan sosial. Dengan menggunakan pelbagai unsur kesusasteraan, pelajar dapat mempertingkatkan kemahiran hujahan dan ekspresi dalam pertuturan dan penulisan. Sebaliknya, teks autentik dapat mempertingkatkan kesedaran sivik dan global melalui pendedahan kepada isu semasa. Pelajar dapat mempertingkatkan kemahiran informasi dan kemahiran berfikir secara kritis dalam proses menilai wacana dan hujahan. Dalam proses inilah pelajar akan menjadi lebih bijaksana kerana dapat membezakan antara fakta dengan pendapat atau sesuatu yang palsu.

## **2.3 Komponen Kesusasteraan**

Dalam komponen kesusasteraan, pelajar Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H2 dan H3 akan mengkaji teks tradisional dan moden yang sudah ditetapkan untuk membangunkan kemahiran mengapresiasi kesusasteraan dan penulisan. Mereka harus dapat membentuk pemahaman dan kesedaran silang budaya melalui kajian tentang teks sastera tempatan dan serantau yang ditulis oleh masyarakat Melayu. Pelajar Bahasa dan Kesusasteraan H3 pula akan didedahkan kepada teks sastera yang luas skopnya dan dibimbing untuk membuat kritikan teks serta mencipta karya mereka sendiri. Analisis terhadap teks bebas bagi Sukatan Pelajaran Bahasa dan Kesusasteraan H2 dan H3 dapat menyemai pemikiran yang reflektif dan kritis melalui pendedahan kepada pelbagai teks yang luas dan dapat melengkapkan pelajar dengan kemahiran menganalisis teks dengan kritis. Pelajar digalakkan untuk membaca teks melangkaui teks wajib. Pengalaman pembacaan yang lebih luas dapat mempertingkatkan pemahaman yang mendalam dan mengukuhkan lagi penghargaan mereka terhadap bahasa dan budaya Melayu serta nilai-nilai masyarakatnya.

### **2.3.1 Prinsip Pengajaran dan Pembelajaran Kesusasteraan**

Yang berikut ialah prinsip pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan dalam bahasa Melayu sebagai panduan guru untuk pelaksanaan sukanan pelajaran ini:

#### **A. Analisis dan Respons Secara Kritis**

Guru harus:

1. memastikan persekitaran kelas yang kondusif dan menggalakkan penglibatan pelajar dalam perbincangan dan penerokaan teks yang dibaca;
2. menggalakkan pelajar terlibat secara aktif dan memberikan respons secara kritis tentang teks yang dipelajari;
3. membimbing pelajar menggunakan teknik menyoal untuk merancakkan perbincangan dan perundingan dalam kelas dan menajamkan pemikiran pelajar secara kritis tentang teks yang dipelajari;
4. menerima serta memberikan respons melalui muafakat terhadap pandangan orang lain; dan
5. memberikan peluang yang mencukupi dan sokongan kepada pelajar untuk berkongsi dan menyatakan pandangan dan pendapat dari perspektif yang berbeza dan mempertahankannya berdasarkan bukti tekstual dan bukan tekstual.

#### **B. Apresiasi Secara Kritis**

Guru harus:

1. menyediakan masa dan peluang yang mencukupi kepada pelajar untuk memahami, menganalisis, menghayati, berbincang, meneroka dan mengapresiasi teks;
2. membimbing pelajar menyelami dan menghayati serta mengapresiasi isu-isu yang terkandung dalam teks;
3. menyediakan wadah untuk pelajar mengapresiasi dan menyelami keindahan bahasa Melayu dalam teks kesusasteraan yang dibaca; dan
4. memandu pelajar memahami dan menilai bahan kesusasteraan dengan kritis dan analitis pada setiap peringkat pembelajaran agar mereka dapat mengapresiasi isu moral, sosial, nilai kemanusiaan, kebudayaan, keagamaan secara menyeluruh untuk mencapai pembangunan sahsiah atau peribadi pelajar secara holistik.

## C. Kaitan Bermakna dalam Kehidupan

Guru:

1. memandu pelajar membuat kaitan bermakna agar pelajar dapat menghubungkaitkan teks yang dibaca dengan kehidupan harian mereka dan prihatin terhadap pergolakan dunia;
2. menggunakan pengetahuan sedia ada dan pengalaman peribadi pelajar untuk membuat kaitan bermakna dengan teks yang dipelajari; dan
3. menggalakkan pelajar untuk bekerjasama dengan teman-teman sekelas dan menggabung jalin pemahaman teks yang dibaca dan dipelajari dengan isu-isu yang terkait.

## D. Pendedahan kepada Teks Kesusasteraan

Guru:

1. mendedahkan pelbagai teks kesusasteraan selain teks wajib kepada pelajar. Ini termasuklah pendedahan kepada bahan kesusasteraan Singapura, Melayu Nusantara dan jagat; dan
2. memberikan peluang kepada pelajar untuk melahirkan respons mereka dalam pelbagai bentuk pengucapan, ekspresi dan sudut pandangan kritis mereka dengan menonton dan mendengar serta apresiasi kreatif terhadap pelbagai genre kesusasteraan (puisi moden dan tradisional, prosa moden dan tradisional) serta meningkatkan apresiasi terhadap pelbagai aspek keprihatinan manusia dalam kehidupan.

### 2.3.2 Genre Teks yang Disarankan

Pengajian Kesusasteraan Melayu mengetengahkan latar dan hubungan manusia yang dekat dengan jiwa pelajar Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H2 dan H3. Tema-tema yang terdapat dalam teks wajib adalah relevan dan menggambarkan dunia pemikiran dan kehidupan masyarakat Melayu khasnya dan masyarakat sejagat amnya. Tema-tema ini dapat memupuk pelbagai bentuk kesedaran sosial yang berkaitan dengan masyarakat. Teks-teks ini membuka ruang perbincangan yang kaya tentang tema-tema sejagat yang bersangkut-paut dan relevan dalam dunia yang berubah-ubah. Teks-teks ini juga mencerminkan kekayaan warisan sejarah dan budaya, serta membolehkan pelajar untuk meningkatkan apresiasi terhadap keindahan dan kebudayaan.

Teks yang telah ditetapkan terdiri daripada teks:

- dari zaman sejarah yang berbeza-beza sehingga masa kini, dengan mengambil kira kandungan yang seimbang antara sastera tradisional dengan moden;
- daripada pelbagai masyarakat Melayu luar negara dengan penekanan terhadap karya-karya tempatan;
- yang mewakili pelbagai genre; dan
- yang membincangkan pelbagai perkara berkenaan tema dan pelbagai protagonis dalam kesemua teks.

Teks yang telah ditetapkan membolehkan penerokaan dan kajian unsur utama dalam kesusasteraan, termasuk perwatakan, plot dan struktur, latar tempat dan masyarakat, sudut pandangan dan gaya bahasa. Teks ini juga membolehkan pembelajaran dan penerapan alat-alat kesusasteraan yang penting seperti imejan, perlambangan dan ironi.

Bagi subjek Bahasa Melayu dan Kesusasteraan H2 dan H3 , para pelajar akan mempelajari dua genre utama, iaitu prosa dan puisi. Yang berikut ialah genre bagi Kesusasteraan Melayu H2. Pelajar H3 akan mengkaji genre-genre ini dengan lebih luas dan mendalam.

Bahasa Melayu	Genre bagi Teks Wajib	Genre bagi Teks Bebas
Kesusasteraan Bahasa Melayu H2	Puisi (Moden dan Tradisional)  Cerpen  Novel  Drama	Puisi Moden  Cerpen

Yang berikut ialah perincian genre yang disarankan.

Genre	Penerangan
Puisi Tradisional	<u>Puisi Tradisional (Syair):</u> Puisi tradisional yang disarankan mengetengahkan syair yang berunsurkan sejarah, hikayat dan legenda. Teks-teks ini menampilkan nilai-nilai sejagat seperti kejujuran, taat setia, pengorbanan, keberanian, keadilan, perjuangan, kerjasama dan perlunya melakukan perancangan dalam kehidupan.
Prosa Moden	<u>Novel:</u> Novel yang disarankan merupakan novel yang berlatarbelakangkan suasana yang dekat dengan pelajar. Novel yang dipilih mengandungi lipatan sejarah tentang kehidupan di Singapura semasa zaman penjajahan dan perpisahan Singapura dari Malaysia serta kehidupan sebelum dan selepas perpisahan tersebut. Novel ini berupaya memberikan pendedahan kepada pelajar tentang masyarakat yang terdahulu dan cara-cara mereka menangani isu-isu sosial yang wujud dalam konteks zaman tersebut.  <u>Drama:</u> Persoalan yang dikemukakan dalam teks drama merangkumi isu-isu yang berkaitan dengan kekeluargaan dan masyarakat. Pelajar berpeluang meneliti, mengupas dan mentafsirkan persoalan dan mengambil iktibar daripada persoalan dan isu-isu yang diketengahkan dalam teks drama yang dikaji.  <u>Cerpen:</u> Tema-tema yang diketengahkan melalui cerpen yang dipilih ini berkisar tentang hal-hal kehidupan harian yang melibatkan anggota-anggota masyarakat seperti peranan dan tanggungjawab terhadap keluarga dan masyarakat, sikap tidak mementingkan diri, menghormati dan menghargai hak sesama insan, mengenal jati diri dan juga pelestarian budaya Melayu. Pendedahan terhadap hasil karya beberapa penulis tempatan dan juga serantau memberikan peluang kepada pelajar meneliti gaya penulisan yang berbeza-beza yang digunakan oleh penulis dalam menghasilkan karya mereka. Selain itu, konteks dan kandungan cerpen-cerpen ini merupakan sesuatu yang dekat dengan diri pelajar dan dengan ini diharap agar para pelajar berupaya mengaitkannya dengan pengalaman harian mereka.
Puisi Moden	<u>Sajak:</u> Sajak yang dipilih menyentuh pelbagai isu yang merangkumi jati diri, perjuangan, kasih sayang, kesabaran, ketahanan dan tanggungjawab. Sajak-sajak ini sesuai dengan tahap pelajar dan kepelbagaian tema yang diketengahkan diharap akan merangsang para pelajar memikirkan isu-isu yang disentuh secara mendalam dan kritis.

### **2.3.3 Teks Wajib yang Digunakan**

#### **Teks Kesusasteraan Bahasa Melayu H2**

Bagi subjek Kesusasteraan Bahasa Melayu H2, setiap genre mengandungi teks-teks wajib yang harus dikaji. Pelajar akan mempelajari teks syair, sajak, cerpen, novel dan drama. Teks-teks ini dipilih dengan tujuan untuk memberikan pendedahan yang lebih luas kepada para pelajar di samping merupakan kesinambungan daripada teks-teks yang dipelajari di peringkat sekolah menengah. Dapatkan senarai tajuk buku teks wajib bagi setiap genre dalam OPAL 2.0.

#### **Teks Kesusasteraan Bahasa Melayu H3**

Bagi subjek Kesusasteraan Bahasa Melayu H3, pelajar-pelajar akan mempelajari teks prosa tradisional dan prosa moden (cerpen). Tujuan pemilihan teks-teks ini adalah untuk memberikan pendedahan yang lebih luas kepada para pelajar di samping merupakan kesinambungan daripada teks-teks yang dipelajari di peringkat sekolah menengah dan H2. Dapatkan senarai teks dalam OPAL 2.0.

### **2.3.4 Unsur-unsur Kesusasteraan**

Unsur-unsur kesusasteraan yang terdapat dalam teks prosa dan puisi penting dipelajari dan diketahui oleh setiap pelajar. Pengetahuan tentang aspek ini dapat membantu pelajar memahami dan menganalisis sebuah karya sastera secara kritis. Perincian tentang unsur-unsur kesusasteraan ini terdapat dalam E-Panduan.

Selain apresiasi terhadap unsur-unsur kesusasteraan, peluang juga harus diberikan kepada pelajar untuk menghasilkan dan memamerkan karya-karya sastera mereka seperti puisi dan cerpen supaya mereka dapat menerapkan elemen-elemen kesusasteraan yang telah dipelajari sebagai latihan. Platform ini akan menggalakkan pelajar Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H2 untuk belajar di luar kurikulum di samping memberikan peluang kepada pelajar Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H3 untuk memperoleh pengalaman yang penting.

### 2.3.5 Kajian Teks

Kajian teks yang berikut meliputi bidang prosa dan puisi. Pelajar boleh diajak mengapresiasi karya sastera melalui kajian terhadap teks sastera yang dibaca. Kajian boleh dilihat pada aspek tema dan persoalan, watak dan perwatakan, plot, latar, gaya, bahasa, bentuk, nada sudut pandangan, nilai kemanusiaan dan pengajaran. Yang berikut ialah perincian kajian teks mengikut aspek-aspek berikut:

Genre	Isi	Gaya Bahasa	Plot
Prosa Moden	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tema</li> <li>• Persoalan</li> <li>• Plot</li> <li>• Perutusan &amp; Pengajaran</li> <li>• Latar</li> <li>• Watak dan perwatakan</li> <li>• Peristiwa-peristiwa yang mengandungi nilai-nilai murni</li> <li>• Pemikiran dan kehidupan masyarakat Melayu</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Diksi</li> <li>• Ayat</li> <li>• Simile</li> <li>• Metafora</li> <li>• Personifikasi</li> <li>• Hiperbola</li> <li>• Pengulangan</li> <li>• Perlambangan</li> </ul>	<p>Struktur Plot:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahagian pengenalan</li> <li>• Bahagian perkembangan, konflik dan klimaks</li> <li>• Bahagian peleraian</li> </ul> <p>Unsur Plot</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Imbas muka</li> <li>• Imbas kembali</li> <li>• Ketegangan</li> <li>• Konflik</li> <li>• Klimaks/puncak</li> <li>• Dialog</li> <li>• Monolog</li> <li>• Monolog dalaman</li> <li>• Sudut pandangan</li> </ul>
Puisi Tradisional dan Moden	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Maksud puisi</li> <li>• Tema</li> <li>• Persoalan</li> <li>• Perutusan dan pengajaran</li> <li>• Latar</li> <li>• Bahagian-bahagian yang mengandungi unsur dan nilai murni</li> <li>• Pemikiran/pandangan penulis</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Diksi</li> <li>• Unsur bunyi <ul style="list-style-type: none"> <li>- rima</li> <li>- aliterasi</li> <li>- asonansi</li> <li>- rentak</li> </ul> </li> <li>• Simile</li> <li>• Metafora</li> <li>• Personifikasi</li> <li>• Hiperbola</li> <li>• Pengulangan</li> <li>• Perlambangan</li> <li>• Inversi</li> <li>• Nada</li> <li>• Sinkof</li> </ul>	<p>Jenis:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Puajaan</li> <li>• Keagamaan</li> <li>• Elegi</li> <li>• Epigram</li> <li>• Satira</li> <li>• Percintaan</li> <li>• Balada</li> </ul> <p>Bentuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Suku kata</li> <li>• Kata</li> <li>• Baris</li> <li>• Rangkap</li> <li>• Visual &amp; Skema</li> <li>• Rima</li> </ul>

## **2.3.6 Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H3**

Bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H3, sukanan pelajaran memberikan fokus kepada dua komponen, iaitu Penulisan Ekspresif dan Analisis Teks.

### **a) Penulisan Ekspresif**

Komponen Penulisan Ekspresif terbahagi kepada dua bahagian. Guru boleh memilih untuk membimbing pelajar menghasilkan sebuah cerpen berdasarkan tema yang ditentukan atau menulis komentar berkenaan isu yang diberikan.

### **b) Analisis Teks**

Komponen Analisis Teks terbahagi kepada dua bahagian. Komponen ini memerlukan guru untuk membimbing pelajar dengan kemahiran menganalisis teks-teks sastera yang ditetapkan, iaitu Sejarah Melayu dan cerpen serta teks-teks sastera yang tidak ditetapkan, iaitu prosa atau puisi. Analisis Teks bertujuan menajamkan keupayaan pelajar untuk menganalisis dan mengukuhkan apresiasi secara kritis terhadap karya-karya sastera.

## **2.4 Waktu Kurikulum**

Waktu kurikulum yang disarankan bagi Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H2 ialah selama 4 jam seminggu untuk kursus selama 2 tahun. Bagi Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H3 pula, masa yang dicadangkan ialah 2+2 jam (4 jam) seminggu bagi kursus selama 1 tahun. Waktu ini termasuk 2 jam pembelajaran dalam bilik darjah dan 2 jam bagi pembelajaran kendiri melalui pendekatan secara modular. Pihak sekolah boleh menggunakan kebijaksanaan untuk membahagikan masa antara pengajaran dan pembelajaran bahasa dengan kesusasteraan tetapi penekanan terhadap komponen kesusasteraan yang berlebihan perlulah dielakkan.

Waktu kurikulum bagi Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H2 dan H3 diringkaskan seperti yang berikut:

<b>Komponen</b>	<b>Waktu Kurikulum Seminggu</b>	<b>Kursus</b>
Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H2	4 Jam	2 Tahun
Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H3	4 Jam (2 Jam Pembelajaran dalam Kelas dan 2 Jam Pembelajaran Kendiri)	1 Tahun

Panduan bagi pembelajaran kendiri untuk Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H3 adalah seperti yang berikut:

a. Lanjutan bagi Pengisian Pembelajaran di luar Pengajaran dalam Bilik Darjah

Para guru boleh menyarankan bahan bacaan di luar teks sukanan pelajaran untuk mempertingkatkan apresiasi pelajar terhadap pelbagai genre dan teks.

b. Pembacaan Lanjutan di Luar Teks Wajib

Para guru boleh menyediakan senarai bahan bacaan di luar teks wajib dalam sukanan pelajaran untuk meluaskan pengetahuan pelajar tentang kesusasteraan, budaya dan masyarakat Melayu.

c. Penerapan Kemahiran Bahasa dan Kesusasteraan

Para pelajar boleh menerapkan kemahiran bahasa dan kesusasteraan mereka dengan mengusahakan projek mini, seperti menghasilkan karya-karya sastera atau podcast bahasa Melayu untuk mempamerkan karya-karya mereka.

d. Penyertaan dalam Bengkel/Sesi Perkongsian/Aktiviti Berasaskan Sekolah atau di Luar Sekolah

Para pelajar boleh mengambil bahagian atau mengetuai bengkel, sesi perkongsian, aktiviti berasaskan sekolah atau di luar sekolah yang bersangkutan dengan bahasa Melayu yang dianjurkan oleh Program Elektif Bahasa Melayu di peringkat Maktab Rendah (MLEP-JC) dan Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC). Para pelajar yang tidak menyertai MLEP juga digalakkan untuk mengambil bahagian dalam beberapa aktiviti yang dijalankan. Antara aktiviti tersebut ialah sesi perkongsian dan apresiasi karya sastera, menjadi sukarelawan selaku tukang cerita dalam bahasa Melayu dengan Lembaga Perpustakaan Negara atau bertugas sebagai pemandu muzium dan galeri seni di bawah naungan Lembaga Warisan Negara dan lain-lain.

### **3. PEDAGOGI**

- 3.1 Proses Pengajaran dan Aspek Pembelajaran
- 3.2 Pemilihan Teks Bebas
- 3.3 Penggabungjalinan Pengajaran Kemahiran Berbahasa dengan Analisis Kesusasteraan
- 3.4 Teknik Penyoalan yang Berkesan
- 3.5 Penggunaan E-Pedagogi
- 3.6 Strategi, Pendekatan, Kaedah dan Teknik Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa dan Kesusasteraan
- 3.7 Soalan Panduan bagi Pengajaran Bahasa dan Kesusasteraan Melayu



Geylang Serai


### 3. PEDAGOGI

#### 3.1 Proses Pengajaran dan Aspek Pembelajaran

Sukatan pelajaran ini menitikberatkan amalan pedagogi guru untuk mengajarkan kemahiran bahasa dengan cara yang lebih bersepadau dan memberikan fokus yang lebih khusus pada pemahaman utama. Sukatan pelajaran ini juga bertujuan untuk mengukuhkan lagi kecekapan pelajar agar berupaya berkomunikasi dengan berkesan dalam bahasa Melayu dan mampu meluahkan fikiran dengan menggunakan pemikiran aras tinggi.

Meningkatkan pedagogi guru merupakan strategi utama bagi mencapai pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dalam bilik darjah Bahasa Ibunda. Dalam hal ini, guru harus merujuk kepada Amalan Pengajaran Singapura (STP). STP menerangkan cara-cara menjalankan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, berpandukan Falsafah Kurikulum Singapura dan sokongan teori pengajaran dan pembelajaran. STP menyediakan kerangka untuk membantu guru memahami dan membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran merentas konteks sekolah. Dengan cara ini, guru boleh menggunakan STP untuk meneruskan perbincangan tentang pelbagai strategi pengajaran dan pendekatan yang digunakan dalam bilik darjah Bahasa Ibunda pada tahun-tahun seterusnya.

Guru digalakkan untuk menggunakan aktiviti pembelajaran yang pelbagai agar pelajar dapat menggunakan serta memperkasakan kemahiran berinteraksi mereka seperti melalui perbincangan, pembentangan, pembacaan dan penulisan. Pelajar harus mempunyai matlamat untuk membentuk kemampuan berfikir yang lebih tinggi, mengimbangi kemampuan menulis dengan memberikan input melalui penulisan dengan menggunakan komputer, di samping diberikan pendedahan tentang kepelbagaiannya jenis teks termasuk teks sastera dan teks yang berbentuk autentik. Maklumat lanjut tentang STP boleh didapatkan di laman web <https://academyofsingaporeteachers.moe.edu.sg/mlcs>.



Rajah 4: Empat Proses Pengajaran dan Aspek Pengajaran  
(Sumber: Kementerian Pendidikan, Singapura 2017)

### **3.2 Pemilihan Teks Sastera Bebas**

Bahagian yang berikut ialah panduan kepada guru dalam pemilihan teks sastera bebas dengan tujuan untuk meningkatkan lagi pengalaman pembelajaran pelajar. Setiap teks yang dipilih perlu mempunyai:

a. Kualiti dalam Karya Kesusasteraan

Karya tersebut perlu mengandungi nilai yang dapat mendorong pelajar supaya mengenali jati diri sendiri serta hubungan jati diri itu dengan dunia masa kini. Karya itu perlu mengandungi tema yang menggalakkan perbincangan yang mendalam. Karya itu juga perlu mencerminkan keulungan sejarah dan budaya warisan, dan pada masa yang sama memastikan bahawa sudut estetika serta penghayatan budaya mampu dipupuk dalam jiwa pelajar.

b. Pemerolehan Kemahiran serta Pengetahuan Kesusasteraan

Karya tersebut harus membolehkan pelajar untuk meneroka dan mengkaji unsur-unsur penting dalam sastera, termasuk perwatakan, plot dan struktur, latar dan suasana, sudut pandangan serta gaya penulisan. Karya tersebut perlu memberarkan pelajar untuk mempelajari dan menggunakan unsur-unsur kesusasteraan yang dipelajari. Karya yang dipilih mestilah menggunakan bahasa yang indah yang merangsang analisis teks yang berbentuk kritis dan mendalam umpamanya untuk mengupas perbandingan, perlambangan dan ironi.

c. Kerencaman Teks

Karya tersebut harus mengandungi penulisan yang berasal dari kawasan serantau. Bilangan teks serantau dan tempatan yang dipilih perlulah seimbang.

d. Kebolehcapaian

Karya tersebut harus sesuai dengan tahap pelajar, dari sudut bahasa dan juga tema, serta mampu menarik minat pelajar.

e. Kesesuaian Isi/Kandungan dan Laras Bahasa

Karya tersebut perlu bersifat sensitif terhadap nilai dan norma masyarakat setempat. Dalam erti kata lain, karya tersebut ada hubungan atau kaitan dengan isu-isu agama, seks dan politik. Karya tersebut juga tidak boleh memaparkan penggunaan bahasa yang kesat mahupun yang menimbulkan ketegangan atau menyenggung perasaan pembaca.

Kriteria pemilihan yang lebih terperinci diberikan dalam **E-Panduan**. Sila layari OPAL.20.

### **3.3 Penggabungjalinan Pengajaran Kemahiran Bahasa dengan Analisis Kesusasteraan**

Sukatan Pelajaran Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H2 dan H3 2021 ini memberikan penekanan yang seimbang dalam pengajaran dan pembelajaran komponen bahasa dan kesusasteraan. Dengan menggabungkan penggunaan tiga tema utama, guru akan mengajarkan kemahiran bahasa dan analisis teks sastera dalam suasana bersepadu yang memberarkan pembelajaran yang mendalam berlaku antara kedua-dua komponen ini.

Guru digalakkan supaya melakukan penyesuaian dan menggunakan bahan pengajaran dengan berkesan untuk membimbing pelajar supaya mereka membaca secara kritis, menelaah makna-makna yang tersirat dan membuat penyatuan makna antara tema dengan bahan sastera tersebut. Usaha ini akan mengukuhkan pengajaran dan pembelajaran teks sastera dan pelajar berpeluang menggabungjalinkan hubungan antara makna dengan tema karya tersebut.

### **3.4 Teknik Penyoalan yang Berkesan**

Pembelajaran bahasa pada tahap yang lebih tinggi memerlukan pemikiran metalinguistik yang lebih menyerlah serta penggunaan kaedah yang reflektif dalam kebahasaan. Pelajar perlu memahami penggunaan pelbagai alat dan strategi yang lebih rumit agar dapat memahami teks dengan lebih mendalam, serta memahami sebab satu-satu penulisan itu terhasil.

Pada masa yang sama, pembelajaran Kesusasteraan Melayu akan melibatkan banyak penganalisisan teks sastera. Pelajar perlu sedar akan penggunaan gaya penulisan dalam teks, konteks sebenar yang mencetuskan penghasilan karya, serta kerelevan karya dengan pengalaman hidup masing-masing. Pelajar harus dapat menjalankan hubungan dengan karya tersebut pada tahap kognitif dan afektif.

Apabila terdapat isi atau kemahiran baharu yang diperkenalkan, guru boleh menimbulkan penggunaan teknik penyoalan. Teknik ini memberikan penekanan pada peranan pelajar dalam proses pembelajaran. Pelajar digalakkan untuk meneroka bahan, bertanyakan soalan dan berkongsi idea serta dapatan mereka. Guru bertindak selaku pemudah cara dengan membimbang dan merancang pembelajaran dengan tujuan untuk membantu pelajar memberikan tumpuan bagi meraih ilmu. Cara pemikiran serta pemerolehan ilmu pelajar dapat diserlahkan melalui pembelajaran kendiri, serta pembelajaran kolaboratif secara aktif. Pemerkasaan daya metakognitif pelajar dapat dipupuk melalui teknik penyoalan ini, lebih-lebih lagi dalam usaha mereka menganalisis teks bebas.

Penggunaan teknik penyoalan yang berkesan dapat memaujudkan pemikiran pelajar sewaktu proses pembelajaran. Penggunaan teknik ini dapat mengembangkan pemahaman pelajar dan memperkasakan kemahiran mereka serta interaksi pelajar menggunakan Bahasa Ibunda menjadi lebih berkesan. Teknik penyoalan yang berkesan dapat membimbang pelajar untuk membina, menterjemah dan menilai pengetahuan dari sudut pandangan yang pelbagai. Guru boleh menggunakan pelbagai cara untuk menyusun atau membentuk teknik penyoalan ini agar pemahaman pelajar akan lebih mendalam, baik dari sudut kebahasaan maupun kesusasteraan.

Guru digalakkan menggunakan rutin berfikir untuk membiasakan diri pelajar ketika menggunakan teknik penyoalan ini. Guru juga boleh menentukan ruang lingkup perbincangan bagi kelas-kelas bahasa dan kesusasteraan. Penggunaan soalan-soalan yang berkesan secara sedar dapat menyokong peralihan pengetahuan kepada pelajar, dan pada masa yang sama, mengetengahkan kemahiran berfikir yang asas dan penting untuk pembelajaran bahasa dan kesusasteraan. Rutin berfikir ini juga dapat memperkasakan proses pemikiran pelajar. Contohnya, Kaedah *Circle of Viewpoints* membenarkan pelajar melihat satu-satu isu itu dari sudut pandangan yang pelbagai.

Dengan menghasilkan soalan-soalan secara sedar, pelajar akan diminta supaya mengamati dan menjelaskan satu-satu isu itu dengan lebih terperinci. Pelajar akan diminta untuk membuat kaitan antara satu bidang dengan bidang yang lain, memberikan hujah berlandaskan bukti, dan mendedahkan makna yang tersirat di sebalik sebuah penulisan. Jika pemikiran pelajar jelas sewaktu pembelajaran bahasa dan kesusasteraan, pelajar akan didorong untuk menjadi pembaca, penulis, pendengar dan penutur yang aktif sewaktu mereka menelaah sesebuah bahan tulisan. Senarai soalan panduan serta isu-isu yang boleh dijadikan perbincangan di bawah tema-tema tersebut diberikan pada bahagian akhir bab ini.

### **3.5 Penggunaan E-Pedagogi**

Dewasa ini, dengan suasana bilik darjah yang semakin rencam, strategi pengajaran dan pembelajaran yang memenuhi tuntutan serta profil pelajar yang berbeza-beza harus menjadi tunjang utama dalam pembelajaran bahasa dan kesusasteraan. Pendekatan dalam pengajaran yang menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi secara digital akan mengayakan lagi pengalaman pembelajaran di samping menghidupkan lagi suasana di dalam kelas.

Penggunaan E-Pedagogi memperkasakan pengalaman pembelajaran bahasa dan kesusasteraan dengan memberikan guru dan pelajar akses kepada maklumat yang luas. Maklumat tersebut termasuklah dalam bentuk bunyi, rupa dan teks yang dapat digunakan untuk melengkapkan pembelajaran yang lazim dijalankan di kelas untuk membentuk pemahaman tentang teks penulisan di samping merangsang penterjemahan dan pemahaman yang pelbagai.

Sebagai contoh, guru boleh menggunakan sumber media yang berjenis-jenis seperti bahan audio visual untuk memudahkan pemahaman pelajar kepada satu-satu karya penulisan atau perbincangan mengenai satu-satu penulisan. Contoh bagi bahan audio visual termasuklah video muzik, filem, dokumentari dan temu ramah. Penulisan jurnal yang merakamkan respons individu tentang sesuatu topik yang diperkatakan atau sidang forum yang membenarkan komunikasi dua hala untuk membincangkan tema serta topik, dapat dimuat naik dan dikongsikan kepada pelajar-pelajar lain dengan menggunakan ruang yang boleh diakses dengan mudah seperti Ruang Pembelajaran Pelajar (SLS). Rakan sebaya boleh meneliti, mengembangkan, menjelaskan dan mengubah suai pemahaman masing-masing menggunakan ruang interaktif seperti ini. Dengan wujudnya kepelbagaian alat pembentangan di Internet, pelajar juga memiliki peluang untuk mempamerkan kreativiti peribadi apabila mereka mengukuhkan pembelajaran mereka.

Pembelajaran akan berlangsung secara sendirian ataupun secara kolaborasi antara pelajar, sewaktu pelajar membina dan membina semula makna yang diraih daripada pengetahuan dan pengalaman. Dalam suasana e-pembelajaran, pelajar mempunyai masa dan ruang untuk menyusun semula cara berfikir mereka, berkomunikasi secara koheren dan menulis secara yakin, sebelum bertukar-tukar maklumat dan idea dengan pelajar lain. Penggunaan ICT dapat juga membantu guru untuk berhubungan dengan pelajar secara menyeluruh bagi mendapatkan maklum balas yang terperinci di luar waktu kurikulum.

### **3.6 Strategi, Pendekatan, Kaedah dan Teknik**

Guru perlu mempelbagaikan pendekatan, kaedah dan teknik dalam pengajaran sesuai dengan tahap pemikiran pelajar, kesediaan dan aktiviti dalam genre teks yang dipelajari. Pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan seharusnya berlangsung dalam suasana yang menyeronokkan dengan menggunakan pelbagai pendekatan, kaedah dan teknik agar objektif pengajaran dan pembelajaran boleh dicapai. Beberapa contoh pendekatan, kaedah dan teknik yang boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa dan kesusasteraan terdapat dalam E-Panduan.

### 3.7 Soalan-soalan Panduan bagi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa dan Kesusastraan Melayu H2 dan H3

Yang berikut ialah beberapa soalan panduan dan ruang perbincangan untuk tema-tema yang disarankan:

Tema Luas	Pemahaman Utama	Soalan Panduan untuk Perbincangan Umum	Teks Penulisan yang Berkait dengan Soalan Panduan	Ruang Perbincangan
Hubungan	Semua perkara saling berkait	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Apakah jenis hubungan yang wujud?</li> <li>2. Mengapakah hubungan sebegini penting?</li> <li>3. Apakah tanggungjawab individu kepada masyarakat dan tanggungjawab masyarakat kepada individu yang berkenaan?</li> <li>4. Bagaimanakah hubungan membentuk masyarakat?</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Buat penelitian hubungan antara individu dan objek dengan keadaan yang terdapat di dalam bahan karya. Bagaimanakah watak yang sedia ada menguruskan hubungan itu?</li> <li>2. Bagaimanakah hubungan ini berkembang dalam karya?</li> <li>3. Apakah faktor-faktor yang membantu atau menjadikan penjalinan sesebuah hubungan?</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Identiti peribadi</li> <li>• Hubungan peribadi: kekeluargaan, persahabatan, percintaan</li> <li>• Hubungan antara diri sendiri dengan orang lain</li> <li>• Hubungan dengan masyarakat, negara dan alam sekeliling</li> <li>• Komunikasi</li> </ul>
	Hubungan boleh dipupuk	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengapakah kita memupuk hubungan?</li> <li>2. Apakah faktor-faktor yang membantu atau menjadikan penjalinan sesebuah hubungan?</li> <li>3. Apakah yang berlaku apabila terdapat konflik dalam sesebuah hubungan?</li> <li>4. Bagaimanakah orang ramai boleh berubah menerusi hubungan mereka dengan orang lain?</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>4. Bagaimanakah konflik memberikan impak kepada watak, plot dan tema dalam karya? Adakah konflik itu merupakan sesuatu yang tidak dapat dielakkan dalam sesebuah hubungan?</li> </ol>	

Tema Luas	Pemahaman Utama	Soalan Panduan untuk Perbincangan Umum	Teks Penulisan yang Berkait dengan Soalan Panduan	Ruang Perbincangan
Perubahan	Perubahan tidak dapat dielakkan	<ol style="list-style-type: none"> <li>Apakah jenis perubahan yang berlaku pada diri seseorang? Apakah perubahan luaran yang menjelaskan diri kita?</li> <li>Apakah punca berlakunya perubahan?</li> <li>Mengapakah kita perlu menyoal keadaan asal yang sedia ada?</li> <li>Adakah perubahan itu benar-benar tidak dapat dielakkan?</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Bagaimanakah tema mengenai perubahan disampaikan dalam karya tersebut?</li> <li>Bagaimanakah watak-watak yang ada terjejas dengan perubahan itu?</li> <li>Apakah faktor yang mencetuskan perubahan dalam perkembangan jalan cerita karya tersebut?</li> <li>Apakah punca yang membuat watak dalam karya itu menerima/menolak perubahan tersebut?</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pertumbuhan peribadi (perubahan emosi dan psikologi, misalnya perubahan pemikiran)</li> <li>Perubahan pada trend budaya dan masyarakat</li> <li>Pelestarian budaya dan nilai dalam era globalisasi</li> <li>Perkembangan pada peringkat masyarakat, kebangsaan dan jagat</li> <li>Kesulitan, konflik dan Perubahan</li> <li>Inovasi</li> </ul>
	Perubahan membawa kepada lebih banyak perubahan	<ol style="list-style-type: none"> <li>Mengapakah dan bagaimanakah kita boleh membiasakan diri dengan perubahan?</li> <li>Bagaimanakah perubahan menjelaskan cara hidup kita?</li> <li>Apabila berdepan dengan kesulitan, apakah yang menyebabkan sesetengah orang berjaya mengatasi kesulitan itu sementara terdapat juga mereka yang gagal?</li> <li>Adakah perubahan tersebut membawa kepada kesimpulan yang diidamkan?</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Bagaimanakah watak memberikan respons kepada perubahan tersebut?</li> <li>Apakah perubahan yang ketara yang terdapat dalam karya tersebut?</li> </ol>	

<b>Tema Luas</b>	<b>Pemahaman Utama</b>	<b>Soalan Panduan untuk Perbincangan Umum</b>	<b>Teks Penulisan yang Berkait dengan Soalan Panduan</b>	<b>Ruang Perbincangan</b>
Pilihan	Kehidupan terbentuk daripada proses pemilihan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Apakah hubungan antara pilihan dengan kesudahannya?</li> <li>2. Bilakah seseorang itu menhadapi kesukaran dalam membuat keputusan?</li> <li>3. Bagaimanakah kita mengimbangi kebebasan untuk membuat pilihan dengan tanggungjawab kepada orang lain?</li> <li>4. Mengapakah pilihan yang baik dan bernalas itu penting dalam kehidupan?</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Nilaikan pilihan berbeza yang diambil oleh watak-watak dalam karya tersebut? Sejauh manakah pilihan itu merupakan pilihan yang bijak?</li> <li>2. Bagaimanakah pilihan yang diambil ini menjelaskan keadaan berikutnya? Apakah kepentingan pilihan ini dalam karya tersebut?</li> <li>3. Sejauh manakah pengalaman silam yang dilalui oleh watak mempengaruhi pilihan yang diambil?</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat Keputusan</li> <li>• Dilema dalam Mencari Penyelesaian (Paradoks Dalam Pilihan – Kurang itu Lebih)</li> <li>• Mengambil Perspektif</li> <li>• Tanggungjawab</li> <li>• Perantaraan dan Struktur</li> </ul>
	Pilihan membuka peluang dan kemungkinan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengapakah hasil daripada pilihan yang kita ambil tidak dapat dijangkakan?</li> <li>2. Apakah peluang dan pertukaran yang wujud apabila kita membuat pilihan itu?</li> <li>3. Bagaimanakah pilihan dan akibat daripada pilihan itu diterima oleh pihak-pihak lain yang terlibat dalam pilihan itu?</li> <li>4. Bagaimanakah seseorang itu mengatasi peluang yang terlepas yang tidak diambilnya?</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>4. Bagaimanakah keputusan dan tindakan watak menampakkan perwatakan mereka?</li> <li>5. Bagaimanakah watak berdepan dan mengatasi ketegangan antara perantaraan dengan struktur?</li> <li>6. Pilih satu watak daripada karya tersebut dan mainkan peranan selaku watak itu. Apakah pilihan yang berbeza yang akan kamu ambil?</li> </ol>	

# 4. PENILAIAN

- 4.1 Matlamat Penilaian
- 4.2 Penilaian Seimbang yang Berpusatkan Pelajar
- 4.3 Kaedah Penilaian
- 4.4 Penilaian Rujuk Buku
- 4.5 Analisis Teks Bebas
- 4.6 Alat-alat Penilaian
- 4.7 Jadual Pengkhususan Format Peperiksaan Bahasa dan Kesusastraan: Lampiran A & B

## **4.1 Matlamat Penilaian**

Penilaian ialah suatu proses pengumpulan dan analisis bukti tentang pembelajaran pelajar untuk mempertingkatkan pembelajaran. Penilaian digunakan untuk membuat keputusan tentang pelajar dan juga kurikulum Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H2 dan H3, dengan tujuan untuk memberikan maklumat kepada para pelajar, guru-guru dan sekolah-sekolah.

Penilaian bersifat diagnostik dan dijalankan berterusan untuk memberikan maklumat kepada guru tentang kesediaan pelajar menerima pengetahuan dan mempelajari kemahiran-kemahiran, kecenderungan pelajar dan pendekatan mereka terhadap pembelajaran. Maklumat yang diperoleh bertindak sebagai maklum balas untuk mengubah suai amalan pengajaran guru supaya pembelajaran dapat dipertingkatkan melalui aktiviti yang dijalankan oleh guru. Penilaian dapat menghuraikan persoalan penting tentang sejauh mana pelajar telah memahami dan menguasai suatu konsep atau topik. Penilaian merupakan bahagian penting dalam proses pembelajaran dan harus diselaraskan dengan objektif, kandungan dan pedagogi kurikulum.


Pada akhir pendidikan prauniversiti, penilaian yang digunakan harus berupaya memberikan gambaran sebenar tentang kebolehan pelajar menyampaikan maklumat, idea dan perasaan selain dapat berfikir secara kritis dan kreatif.

Amalan penilaian harus berpandukan 3 mesej utama yang berikut:

- a. Penilaian disepadukan dengan proses pembelajaran;
- b. Penilaian dimulakan dengan matlamat yang jelas; dan
- c. Penilaian dapat mengumpulkan dan memberikan maklumat untuk amalan pada masa hadapan.

## **4.2 Penilaian Seimbang yang Berpusatkan Pelajar**

Dalam melaksanakan kurikulum, guru-guru harus mengamalkan sistem penilaian yang seimbang dan berpusatkan pelajar, iaitu merangkumi kedua-dua Penilaian untuk Pembelajaran (AfL) dan Penilaian Pembelajaran (AoL). AfL dan AoL harus bersepudu dan berhubung kait dengan komponen-komponen dalam kontinum berikut:



**Rajah 5: Sistem Penilaian Seimbang dan Berpusatkan Pelajar**  
 (Sumber: 2018 MOE Curriculum Policy Office Curriculum Handbook Overview (Chapter 1, p.18)

Rajah di atas menunjukkan bahawa di satu hujung kontinum ini, terdapat Penilaian untuk Pembelajaran (AfL) yang juga dikenali sebagai Penilaian Formatif yang menggunakan maklumat penilaian, khusus untuk memperbaik pembelajaran pelajar. Sementara itu, Penilaian Pembelajaran (AoL) yang juga dikenali sebagai Penilaian Sumatif, memastikan perkara yang telah dipelajari dan berfungsi sebagai alat untuk mengukur sejauh mana hasil pembelajaran dalam kurikulum sudah tercapai. Penilaian sumatif digunakan terutamanya untuk tujuan menentukan gred, kedudukan pelajar dan kenaikan kelas.

Penjelasan bagi empat strategi penting kontinum ini dalam pengajaran dan pembelajaran H2 dan H3 adalah seperti berikut:

- **Penilaian Formatif dalam Kelas dengan Pengajaran dan Pembelajaran**

Biasanya, strategi ini digunakan untuk mengenal pasti jurang dalam pembelajaran pelajar dari segi kandungan dan kemahiran dan untuk memberikan maklum balas yang berkualiti tentang cara memperbaik tugas pelajar sebagai sebahagian daripada pembelajaran harian yang berterusan. Contohnya, guru-guru boleh mengakses pemahaman pelajar tentang konsep metafora dalam sajak melalui perbincangan secara berpasangan atau berkumpulan dan memberikan respons secara lisan sebagai maklum balas untuk mendalami pemahaman atau menjelaskan salah faham. Walaupun penilaian begini boleh dirancang, penilaian dinamik dan dapat memberikan respons terhadap kelakonan dan keperluan pelajar. Dalam penilaian ini, tiada gred yang diberikan kepada pelajar.

### • **Penilaian Formatif yang Dirancang dan Berintegrasi**

Guru akan beralih kepada penilaian ini apabila momentum pembelajaran semakin meningkat dan mendalam. Pada ketika ini, tugasan untuk pelajar yang telah dirancang lebih awal boleh dilaksanakan. Tugasan ini boleh berbentuk tugasan alternatif (contohnya, analisis naratif lanjutan secara berkumpulan) atau sebahagian daripada bentuk penilaian sumatif (contohnya, esei penuh, soalan analisis teks lanjutan). Walaupun demikian, matlamat utama adalah untuk mengukur perkembangan pelajar mencapai hasil pembelajaran pada setiap tahap yang berbeza dalam kurikulum. Pemarkahan gred boleh dilakukan atau tidak dilakukan.

### • **Penilaian Formal Berdasarkan Model Penilaian Sumatif tetapi Digunakan untuk Tujuan Penilaian Formatif**

Biasanya, penilaian ini merangkumi ujian kelas atau peperiksaan percubaan yang serupa dengan bentuk penilaian sumatif. Penilaian ini bertujuan untuk mengenal pasti jurang pembelajaran pelajar dalam topik yang lebih luas (contohnya, salah faham tentang konsep dalam proses menganalisis prosa tradisional) dan memberikan maklum balas yang telah dikumpulkan untuk kemajuan pelajar (contohnya, pemahaman terhadap suatu bahagian yang mungkin menjelaskan kemajuan dalam pembelajaran kandungan atau kemahiran seterusnya). Pemarkahan gred boleh dilakukan atau tidak dilakukan.

### • **Penilaian Sumatif Wajib (Hasil Pembelajaran)**

Penilaian ini memastikan bahawa pelajar telah memperoleh pembelajaran dan bertujuan untuk mengukur sama ada hasil kurikulum sudah tercapai. Penilaian ini digunakan terutamanya untuk tujuan kebertanggungjawapan seperti pemarkahan, kedudukan pelajar dan kenaikan kelas, merekod dan melaporkan perkara yang telah dipelajari. Penilaian bersifat sumatif dan biasanya dilaksanakan pada akhir semester atau akhir tahun (seperti akhir Pra-U 1) untuk tujuan kenaikan kelas. Walau bagaimanapun, penilaian ini juga boleh digunakan secara formatif untuk mempersiapkan pelajar bagi fasa pembelajaran seterusnya.

Penilaian Sumatif Formal untuk Bahasa dan Kesusasteraan H2 umumnya merangkumi perkara berikut:

- Penulisan eseи menggunakan pena dan kertas (naratif, deskriptif, ekspositori, perbincangan dan rangsangan grafik);
- Menggunakan input teks di komputer untuk menjawab Soalan Kefahaman 1 (satu petikan);
- Menggunakan input teks di komputer untuk menjawab Soalan Kefahaman 2 (berdasarkan sumber termasuk penulisan komenari); dan
- Menyelesaikan penulisan Esei Sastera menggunakan pena dan kertas (4 soalan tentang genre yang berbeza termasuk teks bebas)

Penilaian Sumatif Formal untuk Bahasa dan Kesusasteraan H3 umumnya merangkumi perkara yang berikut:

- Penulisan eseи menggunakan pena dan kertas [naratif (cerpen), deskriptif, ekspositori, perbincangan, rangsangan grafik]; dan
- Menyelesaikan penulisan Esei Sastera menggunakan pena dan kertas.

### **4.3 Kaedah Penilaian**

Guru perlu menggunakan kaedah yang pelbagai untuk mengumpulkan maklumat. Maklumat yang dikumpulkan boleh membantu guru mengetahui sejauh mana pencapaian pelajar mereka. Kaedah-kaedah tersebut termasuklah pemerhatian dan penyoalan dalam pengajaran sehari-hari sehingga ujian formal dan berstruktur. Dengan menggunakan pelbagai kaedah ini, guru akan dapat mengumpulkan data yang diperlukan bagi mengukur pencapaian pelajar dalam pembelajaran.

Garis pandu yang berikut merupakan cadangan bagi penilaian dalam kelas yang boleh membantu guru:

- menyoal;
- maklum balas;
- penilaian kendiri dan penilaian rakan sebaya;
- penilaian berdasarkan penyampaian;
- jurnal;
- persidangan;
- portfolio;
- soalan diagnostik; dan
- ujian pena dan kertas.

Dalam sesuatu penilaian, tiada terdapat satu kaedah yang khusus. Keberkesanan sesuatu kaedah bergantung pada tujuan penilaian. Satu kaedah akan lebih cenderung kepada penilaian sumatif jika tujuannya adalah untuk memberikan pelajar gred dan kedudukan sementara satu lagi cenderung kepada penilaian formatif jika tujuan penilaian adalah untuk menggalakkan pembelajaran.

Oleh itu, guru perlu mengimbangi kedua-dua penilaian ini dengan menggunakan pelbagai kaedah penilaian dengan tujuan yang tepat lagi jelas. Selain ujian dan peperiksaan, interaksi sehari-hari antara pelajar dengan guru (contohnya, menyoal, penyampaian lisan dan melaksanakan tugas) memberikan peluang kepada guru untuk mengukur tahap kelakonan pelajar. Dengan ini guru dapat memberikan gambaran yang komprehensif tentang sejauh mana pembelajaran para pelajar dan mengambil usaha susulan bagi membantu meningkatkan pembelajaran pelajar.

## 4.4 Penilaian Rujuk Buku

Bagi bahagian Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu H2 dan H3, penilaian yang gunakan ialah penilaian berbentuk Peperiksaan Rujuk Buku atau ‘Open Book Examinations (OBE)’.

Peperiksaan jenis ini membenarkan calon merujuk bahan yang dibenarkan sahaja semasa peperiksaan. Bahan seperti buku teks tidak boleh mengandungi apa-apa catatan.

Penilaian ini bertujuan untuk menguji kemahiran berfikir aras tinggi. Dengan secara tidak langsung, penilaian ini bertujuan menghasilkan pelajar yang berfikiran kreatif dan kendiri. Selain itu, penilaian ini lebih menekankan pemprosesan maklumat dan pemahaman serta mengurangkan penghafalan dalam pembelajaran.

Soalan OBE lebih bersifat menguji pemahaman pelajar melalui keupayaan pelajar mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari dalam pelbagai konteks yang diberikan. Kemahiran berfikir aras tinggi pelajar diuji melalui soalan yang meminta pelajar menganalisis situasi atau penerangan, menyelesaikan masalah, membuat kesimpulan atau menguji sesuatu pernyataan atau teori.

### Tujuan Penilaian

Penilaian dapat memberikan gambaran tentang kelakonan pelajar dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Melalui penilaian, guru berupaya merancang strategi pengajaran seterusnya.

Bagi pelajar:

- mengetahui pencapaian matlamat pembelajaran;
- mengenal pasti kekuatan dan kelemahan;
- membolehkan tindakan susulan;
- mengukur kemajuan; dan
- merangsang pencapaian yang lebih tinggi.

Bagi guru:

- mengetahui pencapaian matlamat pengajaran;
- mengetahui keberkesanan pengajaran;
- memantau kemajuan pelajar; dan
- menganjurkan program pemulihan dan pengayaan.

## 4.5 Analisis Teks Bebas

Bahagian analisis teks bebas diperkenalkan dalam Sukatan Pelajaran Kesusasteraan H2 sebagai salah satu bahagian dalam penilaian. Analisis teks bebas telah diperkenalkan di peringkat sekolah menengah sejak beberapa tahun lalu. Oleh itu, bahagian ini merupakan langkah kesinambungan terhadap kemahiran yang telah dipelajari pada peringkat sebelumnya. Melalui analisis teks bebas pada peringkat H2, para pelajar akan terdedah kepada unsur-unsur dan kemahiran kesusasteraan yang lebih luas bagi menganalisis sesebuah karya. Pelajar juga boleh didorong untuk membaca teks melangkaui teks wajib. Guru boleh menggunakan teks-teks tambahan yang disarankan dalam **E-Panduan** bagi meningkatkan kemahiran dan pengalaman pelajar. Guru juga boleh menggunakan teks-teks lain yang didapati sesuai dalam pengajaran dan pembelajaran.

## 4.6 Alat-alat Penilaian

Antara alat yang boleh digunakan dalam menjalankan penilaian untuk pembelajaran termasuklah:

### Senarai Semak

Senarai semak mengandungi matlamat yang ingin dicapai dalam tugas. Aspek-aspek yang ingin dicapai akan disenaraikan dan guru menentukan sama ada aspek-aspek tersebut diperlihatkan oleh pelajar. Senarai semak boleh digunakan oleh guru untuk menilai keberkesan pengajaran atau menilai kemajuan pelajar. Senarai semak juga boleh digunakan oleh pelajar untuk menilai rakan sebaya atau membuat penilaian kendiri.

### Borang Renungan

Borang renungan memberikan peluang untuk pelajar merakamkan perasaan dan fikiran tentang pembelajaran yang dilaluinya atau tugas yang dihasilkannya.

### Rekod Anekdotal

Penilaian jenis ini merakamkan pemerhatian guru terhadap kelakonan pelajar berdasarkan kemahiran dan objektif pembelajaran yang ditetapkan oleh guru. Guru memerhatikan pelajar dalam kemahiran-kemahiran tertentu lalu merakamkannya dalam bentuk nota. Guru menilai pembelajaran pelajar serta memberikan komen yang membina agar pelajar dapat membaiki kelemahannya. Cara ini juga dapat merakamkan perkembangan pelajar secara berterusan.

### Temu Bincang

Ada tiga jenis temu bincang yang boleh dilakukan oleh guru. Pertama, temu bincang dengan guru. Kedua, temu bincang ibu bapa dengan guru dan ketiga temu bincang dengan pelajar, guru dan ibu bapa. Semasa temu bincang dijalankan, guru, pelajar dan ibu bapa dapat memberikan maklum balas tentang pembelajaran, pencapaian dan perkembangan pelajar.

### Rubrik

Rubrik merupakan sejenis panduan pemarkahan yang digunakan untuk menilai kriteria-kriteria penilaian yang lebih kompleks atau subjektif. Rubrik menerangkan secara terperinci tahap perkembangan dan pencapaian pelajar. Rubrik boleh digunakan untuk pemarkahan kumpulan dan individu. Rubrik ini boleh menggunakan skala nombor ataupun deskriptor yang menggunakan kriteria yang hendak dicapai.

Beberapa contoh alat penilaian diberikan dalam **E-Panduan**.

## 4.7 Jadual Pengkhususan Format Peperiksaan Bahasa dan Kesusasteraan

Lampiran A: Jadual Pengkhususan Format Peperiksaan Bahasa dan Kesusasteraan H2

Kertas (Masa)	Komponen	Jenis Item	Jumlah Soalan (Jumlah soalan yang perlu dijawab)	Markah (%)	Catatan
<b>Kertas 1</b> (1 jam 15 minit)	<b>Esei</b> • Naratif • Deskriptif • Argumentatif • Rangsangan Grafik	Respons Bebas	4 (1)	35 (17.5%)	Calon dikehendaki menulis karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 460 patah perkataan.  Calon dibenarkan untuk menggunakan kamus yang diluluskan.
<b>Kertas 2</b> E-peperiksaan (1 jam 45 minit)	<b>Bahagian A</b> Kefahaman	Respons Bebas	5 (5)	32 (16%)	Calon dikehendaki menjawab empat soalan kefahaman dan soalan kosa kata.
	<b>Bahagian B</b> Kefahaman dan Komentari	Respons Bebas	4 (4)	33 (16.5%)	Calon dikehendaki menjawab tiga soalan kefahaman berdasarkan dua teks sumber.  Calon dikehendaki menulis komentari yang panjangnya tidak melebihi 160 patah perkataan berdasarkan dua teks sumber.
<b>Jumlah</b>			<b>13(10)</b>	<b>100 (50%)</b>	
<b>Kertas 3</b> (3 jam)	<b>Bahagian A</b> Novel & Cerpen	Respons Bebas	2 (1)	25 (12.5%)	Calon dikehendaki menjawab empat soalan; satu soalan daripada setiap bahagian.
	<b>Bahagian B</b> Puisi – Tradisional & Moden	Respons Bebas	2 (1)	25 (12.5%)	
	<b>Bahagian C</b> Drama	Respons Bebas	2 (1)	25 (12.5%)	
	<b>Bahagian D</b> Teks Bebas (Cerpen/ Sajak)	Respons Bebas	2 (1)	25 (12.5%)	
<b>Jumlah</b>			<b>8 (4)</b>	<b>100 (50%)</b>	

## Lampiran B: Jadual Pengkhususan Format Peperiksaan Bahasa dan Kesusasteraan H3

Kertas (Masa)	Komponen	Jenis Item	Jumlah Soalan (Jumlah soalan yang perlu dijawab)	Markah (%)	Catatan
Kertas 1 Bahagian 1 (1 jam 15 minit)	<b>Bahagian 1:</b> <b>Penulisan Ekspresif</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penulisan Kreatif</li> <li>• Penulisan Komentari</li> </ul>	Respons Bebas	2 (1)	50 (50%)	Calon dikehendaki menulis karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 550 patah perkataan. Calon dibenarkan untuk menggunakan kamus yang diluluskan.
Kertas 1 Bahagian 2 (1 jam 45 minit)	<b>Bahagian 2:</b> <b>Analisis Teks</b>	Respons Bebas	4 (1)	25 (25%)	Analisis Kritikal Teks Sastera
	<b>Bahagian A:</b> Teks yang Ditetapkan <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sejarah Melayu</li> <li>• Cerpen</li> </ul>		2 (1)	25 (25%)	
<b>Jumlah</b>			<b>8 (3)</b>	<b>100 (50%)</b>	

## **Nota**



